



## **Pergerakan mata wang asing tidak jejas kedudukan fiskal negara - PM**

Oleh Muhammad Yusri Muzamir - Mac 14, 2023 @ 11:11am  
yusri.muzamir@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Pergerakan mata wang asing ketika ini dijangka tidak menjelaskan kedudukan fiskal negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ini kerana pergerakan ringgit selaras mata wang rakan dagangan utama lain biarpun nilainya melemah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Katanya, ia juga didorong pendedahan rendah kepada hutang negara dalam mata wang asing, selain pengukuhan dolar AS ketika ini diunjur tidak menjelaskan hasil dan perbelanjaan kerajaan.

"Nilai ringgit menurun sebanyak -7.7 peratus, berbanding dolar AS pada paras RM4.49, sejak 3 Januari 2022 sehingga semalam.

"Namun, prestasi ringgit selaras mata wang utama dan rakan perdagangan utama seperti Renminbi, Rupiah dan Euro," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim (PN-Kuala Terengganu) mengenai kekuatan fiskal negara ekoran nilai mata wang yang semakin lemah dan solusi bagi mengimbangi situasi itu.